

MODUL BAHASA MELAYU
TINGKATAN 2

13. Zakuan pandai _____ gambus setelah mendapat tunjuk ajar daripada abangnya.
A menggesa
B menggelek
C menggesek
D memetik
14. Puan Dewi memberikan beberapa _____ kek kepada jirannya.
A potong
B ketul
C ulas
D biji
3. Puan Lai bersyukur kerana kesihatan anak dia semakin pulih selepas menjalani pembedahan.
A kesihatan anak ia
B kesihatan anaknya
C kesihatan anak ianya
D kesihatan anak dia
4. Tabiat membaca boleh membantu murid lulus dengan cemerlang dalam akademik.
A lulus cemerlang dalam akademik
B lulus cemerlang di dalam akademik
C lulus dengan cemerlang di dalam akademik
D lulus dengan cemerlang dalam akademik

Bahagian B

*Bahagaiaan yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.*

*Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.*

1. Kebersihan makanan kita perlu uruskan dengan baik untuk mengelakkan keracunan makanan.
A perlu diuruskan oleh kita
B kita perlu menguruskan
C perlu kita uruskan
D kita perlu uruskan
2. Ibu bapa dinasihatkan supaya sentiasa membersihkan tangan anak-anaknya ketika berada di luar rumah.
A membersihkan tangan anak-anak mereka
B membersihkan tangan anak-anak kalian
C bersihkan tangan anak-anak mereka
D membersihkan tangan anak-anaknya
5. Zaman remaja merupakan zaman yang paling mencabar sekali yang perlu ditempuh oleh setiap insan.
A cabar sekali
B paling cabar
C paling mencabar
D paling mencabar sekali
6. Tugas itu dapat kita siapkan dengan mudah jika kita saling bantu-membantu.
A saling bantu
B saling dibantu
C saling membantu
D saling bantu-membantu
7. Pebagai-bagai faedah dapat kita peroleh melalui pembelajaran secara berkumpulan.
A Pelbagai faedah
B Berbagai faedah
C Pelbagai faedah-faedah
D Pelbagai-bagai faedah

MODUL BAHASA MELAYU
TINGKATAN 2

8. Nora sangat menghormati akan semua guru-gurunya.
A menghormati guru-gurunya
B menghormati semua guru-gurunya
C menghormati semua-semua gurunya
D menghormati akan semua guru-gurunya
9. Pekerjaan sebagai doktor bukan sahaja mulia, bahkan dapat mengurangkan penderitaan orang lain.
A tidak sahaja mulia, tetapi
B bukan sahaja mulia, tetapi
C tidak sahaja mulia, bahkan
D bukan sahaja mulia, bahkan
10. Risiko tangki minyak terbakar di telaga minyak boleh berlaku jika mereka tidak berhati-hati.
A jika mereka bukan berhati-hati
B jika mereka adalah tidak berhati-hati
C jika mereka adalah bukan berhati-hati
D jika mereka tidak berhati-hati
11. Akauntan adalah di antara kerjaya yang akan saya minati.
A ialah antara kerjaya
B adalah antara kerjaya
C ialah di antara kerjaya
D adalah di antara kerjaya
12. Adalah menjadi hasrat saya, cita-cita saya menjadi askar direstui ahli keluarga.
A Menjadi hasrat saya
B Ialah menjadi hasrat saya
C Menjadi hasrat saya adalah
D Adalah menjadi hasrat saya
13. Sungguh amat termulia kerjaya sebagai seorang jururawat.
A Amat termulia
B Sungguh amat mulia
C Amat sungguh termulia
D Sungguh amat termulia
14. Karnival kerjaya diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra selama tiga setengah hari.
A tiga hari setengah
B setengah tiga hari
C tiga kesetengah hari
D tiga setengah hari
15. Isu pengangguran dalam kalangan siswazah hangat diperkatakan sejak beberapa tahun belakangan ini.
A sejak beberapa-rapa tahun
B sejak dari berapa tahun
C sejak beberapa tahun
D sejak beberapa tahun
16. Peranan kerajaan amat penting sekali kerana mata pena sasterawan dapat membantu kerajaan mencapai matlamat yang telah dirancang.
A amat sekali penting
B teramat penting sekali
C amat terpenting sekali
D amat penting sekali
17. Pembelajaran sains sangat penting sekali setiap pelajar pelajari.
A setiap pelajar terpelajar
B setiap pelajar dipelajari
C dipelajari oleh setiap pelajar
D setiap pelajar pelajari
18. Penguasaan kemahiran bahasa Azlan semakin hari makin baik selepas mendapat tunjuk ajar daripada guru bahasanya.
A makin hari kian baik
B makin hari semakin baik
C semakin hari semakin baik
D semakin hari makin baik

MODUL BAHASA MELAYU
TINGKATAN 2

Bahagian F

*Kenal pasti setiap ayat di bawah dan klasifikasikannya sama ada **ayat nyata**, **ayat tanya**, **ayat perintah** atau **ayat seruan**.*

1. Ayuh, semarakkanlah semangat patriotik dalam diri masing-masing! = _____
2. Pencipta asal Jalur Gemilang ialah Mohamed bin Hamzah. = _____
3. Mengapa Tugu Negara dibina? = _____
4. Apakah kepentingan semangat patriotisme? = _____
5. Wah, ramai orang yang datang meraikan sambutan Hari Kebangsaan! = _____

Bahagian C

Nyatakan pola ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA), atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS).

1. Azlina melibatkan diri dalam perniagaan dalam talian. = _____
2. Ilmu pengetahuan dalam perniagaan sangat penting. = _____
3. Info tentang perniagaan itu daripada ayah. = _____
4. Pulau Langkawi destinasi pelancongan yang menarik di Malaysia. = _____
5. Pelbagai promosi dijalankan untuk melariskan jualan. = _____

Bahagian D

Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian, tulis subjek dan predikat pada ruang yang disediakan.

1. Industri Kecil dan Sederhana menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk desa.

Subjek: _____

Predikat: _____

2. Usahawan perlu berani mengambil risiko dan cabaran.

Subjek: _____

Predikat: _____

3. Hari Keusahawaan diadakan untuk mengasah bakat perniagaan murid-murid.

Subjek: _____

Predikat: _____

4. Ahli-ahli Kelab Keusahawaan membuat brosur jualan yang terdapat di reruai mereka.

Subjek: _____

Predikat: _____

5. Para remaja sewajarnya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman yang berkaitan dengan dunia keusahawanan.

Subjek: _____

Predikat: _____

Bahagian E

*Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan ejaan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Ibu bapa tidak seharusnya menyerahkan tanggung jawab mendidik anak-anak kepada guru-guru di sekolah.

= _____

2. Pengambilan makanan berlemak perlu dikurangkan supaya kandungan kolestrol dapat dikurangkan.

= _____

3. Kita memerlukan istirehat yang mencukupi.

= _____